

## Technology Park Malaysia kukuhkan kemahiran usahawan wanita

---

Sinar Harian Online

2 Mac 2018



### Technology Park Malaysia kukuhkan kemahiran usahawan wanita

---

WARTAWAN SINAR HARIAN  
2 MAC 2018



*Datuk Dr Tarsiah TZ Taman, Pengerusi Majlis Penasihat Wanita Sabah bersama Amir Rohaizat, wakil daripada Technology Park Malaysia bergambar bersama para usahawan wanita di Sabah.*

**A-** **A+** (Ubah saiz teks)

**PARA** usahawan wanita di Sabah yang ingin menembusi pasaran global mampu merealisasikan aspirasi mereka menerusi infrastruktur, kemudahan dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh Technology Park Malaysia Corporation Sdn Bhd (TPM).

Seramai 35 usahawan dari pelbagai sektor dan latar belakang menghadiri sesi bimbingan perniagaan di Wisma Wanita, Kota Kinabalu anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) dengan kerjasama Majlis Penasihat Wanita Sabah dan TPM, sebuah taman inkubasi generasi keempat yang menawarkan bimbingan, khidmat nasihat kursus dan program pembangunan keusahawanan yang komprehensif dan bersepadu.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TPM, Datuk Ir Mohd Azman Hj Shahidin, TPM sentiasa menyokong usaha memperkasa keusahawanan dalam kalangan usahawan wanita.

"Pada kali ini kami turut berkongsi maklumat mengenai pelbagai perkhidmatan, pembiayaan dan program yang tersedia untuk usahawan wanita IKS di Sabah melalui perkongsian idea, pengalaman, aspirasi serta paling penting, mempromosi produk ke peringkat yang lebih luas," katanya.

Menurut statistik SME Corporation Malaysia (SME Corp), sebanyak 20.6 peratus wanita di negara ini terlibat dalam bidang keusahawanan dan dijangkakan meningkat sehingga 23 peratus menjelang tahun 2020.

Justeru, TPM berada pada landasan yang betul apabila menyasarkan peningkatan sehingga 10 peratus jumlah usahawan wanita dalam keusahawanan kecil dan sederhana ke peringkat global menjelang tahun 2020.

"Tidak dinafikan ramai usahawan wanita di negara ini telah menyumbang dalam pembangunan ekonomi negara. Mereka harus dihargai kerana membantu negara meningkatkan modal insan dalam sektor pekerjaan," kata Ir Mohd Azman.

Selain taklimat keusahawanan, TPM turut membawa dua usahawan TPM yang berjaya untuk bersama berkongsi pengetahuan ilmu mengenai pengurusan perniagaan, jualan dan pemasaran, kewangan dan pelbagai disiplin kluster keusahawanan lain.



Dr Mariani Abdul Hamid, Pensyarah Kanan di Institut Pembangunan Bioproduct UTM yang juga Pengarah Urusan Bio-Pro Resources Sdn Bhd, berkongsi pengalaman beliau membangunkan produk kosmetik premium inovasi syarikatnya dari idea dan penyelidikan di UTM, hingga ia berjaya dikomersialkan.

Manakala Dr Azura Hanim Hashim, pakar neuro-linguistic programming memiliki pengalaman industri lebih dari 15 tahun di dalam bidang telekomunikasi pendidikan dan industri kewangan berkongsi tentang pembangunan rohani yang juga sama penting dalam usaha membangunkan perniagaan.

TPM turut menyediakan skim pembiayaan dikenali sebagai TPM Technopreneur Facilitation Fund (TFF) atau Dana Pembangunan Technopreneur untuk memberi bantuan kewangan kepada usahawan dalam pembangunan produk kepada pengeluaran, dengan bantuan anak-anak syarikatnya, TPM Engineering Sdn Bhd dan TPM Biotech Sdn Bhd.

Di bawah skim TFF TPM menyediakan bantuan kewangan sehingga RM50,000 kepada PKS yang layak, terutamanya perusahaan mikro.

Untuk layak memohon skim ini, pemohon perlu, antara lain, memenuhi definisi perusahaan mikro, didaftarkan sebagai syarikat Sendirian Berhad dan sedang membangunkan produk inovatif yang mempunyai potensi pertumbuhan pendapatan tinggi.

Sebagai inkubator terkemuka di negara ini, TPM perlu mencari penyelesaian inovatif untuk membantu pelanggan PKS kami untuk meningkatkan prestasi perniagaan dan menggalakkan mereka terus cecak walaupun berhadapan dengan kekangan.

"Komitmen TPM dalam meningkatkan kapasiti dan keupayaan usahawan adalah kekuatan penting bagi pembangunan ekonomi melalui PKS berimpak tinggi ini. Bahkan, dengan adanya perkembangan teknologi, wanita kini boleh memulakan perniagaan dalam talian yang menyediakan platform mudah mendekati pelanggan," kata Ir Mohd Azman.

Technology Park Malaysia Sdn Bhd, sebuah agensi MOSTI, mempunyai infrastruktur bersepadu, kemudahan dan perkhidmatan sokongan untuk membantu usahawan yang berminat untuk mengomersialkan idea mereka dalam empat kelompok industri iaitu ICT, Kejuruteraan, Bioteknologi dan Teknologi Hijau.